

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



*PPKAS Ibarat Gudang Ilmu:
Latihan Industri Peringkat Antarabangsa*
**NUR NADIA DZULKIFLI, SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD GHAZALI,
NURAZIRA MOHD NOR & ASIAH ABDULLAH**
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH

Penerimaan kehadiran tiga orang pelajar dari Universiti Islam Indonesia (Uii) adalah julung kali berlaku di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah selama tiga minggu iaitu bermula 8 Februari sehingga 1 Mac 2023. Program Latihan Industri ini adalah aktiviti susulan daripada Memorandum Perjanjian (MoA) antara UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Universiti Islam Indonesia pada tahun 2022. Seperti disarankan oleh Yang Berusaha Prof. Datuk Ts Dr. Hajah Roziah Mohd Janor dalam Amanat Naib Canselor di mana tahun 2023 merupakan tahun penganjuran aktiviti bersama rakan-rakan MoA dan MoU. Maka, Koordinator Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) dan selaku ketua bagi Special Interest Group (SIG) iaitu Materoleo Group, Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Sheikh Mohd Ghazali telah menyahut cabaran bersama rakan sepejuangan iaitu Dr. Nurazira Mohd Nor, Ts. Dr. Asiah Abdullah, Dr. Siti Hajar Alias dan ChM Dr. Nur Nadia Dzulkifli bagi merealisasikan amanat yang diturunkan. Tempoh selama tiga minggu penerimaan pelajar Uii menjalani Latihan Industri merupakan tempoh yang sangat mencabar dan berwaspada. Ini adalah kerana sepanjang tempoh tersebut, para pelajar akan menilai daripada sudut kredibiliti warga UiTM Cawangan Negeri, layanan, dan persediaan daripada segi infrastruktur dan infostruktur yang disediakan.

Objektif penerimaan pelajar Latihan Industri daripada luar Malaysia adalah untuk memberikan pengalaman kepada para pensyarah dalam penyeliaan pelajar antarabangsa dan mengembangkan kepakaran pensyarah dalam penyelidikan. Selain itu, program berbentuk ini dapat memperkenalkan UiTM Cawangan Negeri Sembilan khususnya di mata dunia yang hebat daripada segi Pendidikan dan Penyelidikan. Secara tidak langsung, para pensyarah yang terlibat dapat mewujudkan kolaborasi penyelidikan dan pendidikan dengan universiti luar. Selain itu,

program Latihan Industri dapat memenuhi Penunjuk Prestasi yang diturunkan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik iaitu PI 009 (Number of inbounds students) iaitu selama dua minggu.

Antara komen positif yang telah diterima ialah mereka telah menerima layanan mesra dan sentiasa dibantu oleh para pensyarah dan pelajar siswazah PPKAS sepanjang mereka menjalani Latihan Industri. Selain itu, mereka sangat memuji hubungan mesra antara pelajar dengan pensyarah Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar bagai inai dan kuku. Ini adalah hasil pemerhatian mereka semasa menghadiri Majlis Penutup Program Pembentangan FSG671 (Projek Penyelidikan Tahun Akhir) pada 16 Februari 2023 yang lepas. Di samping itu juga, mereka memuji UiTM Cawangan di atas penyediaan pengangkutan dan penginapan yang selesa serta kebajikan mereka sentiasa terjaga. Setiap pelajar diselia oleh pensyarah dari Materoleo Group dan mereka diberikan tajuk projek yang spesifik mengikut bidang kepakaran para penyelia. Namun, mereka merasakan tempoh menjalankan eksperimen selama tiga minggu adalah tidak mencukupi dan perlu dilanjutkan untuk masa akan datang.

Pada 8 Februari 2023, tiga orang pensyarah dari Uii telah menjalankan pemantauan ke atas pelajar mereka di Kampus Kuala Pilah, mereka yang terlibat adalah Prof Is Fatimah, Dr. Gani Purwiandono, Dr. Tatang shabur Julianto dan Cecep Sabana Rahmatilah. Satu perbincangan tertutup di antara Materoleo Group dan wakil Uii telah diadakan bertujuan membincangkan perancangan kolaborasi dua hala selanjutnya agar tidak berhenti separuh jalan. Bak pepatah mengatakan "alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan".

Secara keseluruhan, objektif-objektif yang disasarkan telah tercapai kerana pihak Uii akan menghantar beberapa pelajar ke program yang

akan dianjurkan oleh PPKAS iaitu Global Outreach Programme 6.0 (GOP 6.0) yang akan diadakan pada 21 sehingga 25 Ogos 2023 di Kampus Kuala Pilah, UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



Delegasi Universiti Islam Indonesia bersama MaterOleo Group

Sesi perbincangan tertutup antara delegasi Universiti Islam Indonesia dan MaterOleo



Sesi Taklimat Latihan Industri bersama wakil Polis Bantuan, Kolej Kediaman dan Makmal Sains

Kenangan pelajar di Makmal Penyelidikan

